

# UMS komited capai kecemerlangan akademik peringkat antarabangsa

NST 23.10.13 5

OLEH BALQIS JAMALUDIN  
(balqis@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited dalam mencapai kecemerlangan akademik yang diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui Kursus Teras Bahasa yang disediakan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB).

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, Kursus Teras Bahasa yang merupakan salah satu antara tiga kelompok kursus teras PPIB ini berupaya membantu meningkatkan pengetahuan dan pengalaman para pelajar dalam persediaan kepada mereka untuk menghadapi cabaran dalam dunia pekerjaan.

"Kursus Teras Bahasa bersama dengan dua kelompok kursus teras yang lain iaitu Kursus Teras Wajib dan Kursus Teras Liberal juga bertujuan menjadikan para pelajar sebagai insan yang mampu menyumbang kebaikan kepada masyarakat dan negara," kata Dr. Harun dalam teks ucapannya pada Persidangan Antarabangsa, Bahasa dan Masyarakat (ICLALIS) 2013, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Dekan PPIB, Prof. Dr. Vincent Pang.

Dalam pada itu katanya, sepanjang penubuhannya sejak 19 tahun yang lalu, PPIB juga turut berkoloberasi bersama institusi dan organisasi yang lain bagi mendedahkan pelajar terhadap pelbagai pandangan dan ilmu dari dunia luar.



RASMI..Vincent (tengah), selaku mewakili Dr. Harun memukul gong sebagai simbolik perasmian Persidangan Antarabangsa, Bahasa dan Masyarakat (ICLALIS) 2013.

Pelaksanaan Persidangan Antarabangsa, Bahasa dan Masyarakat 2013 yang bertemakan 'Meningkatkan Peranan Bahasa Dalam Kepelbagai Masyarakat' ini merupakan salah satu platform kepada para pelajar, ahli akademik dan individu lain untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran yang dimiliki dalam bidang yang berkaitan dengan aspek bahasa, katanya.

"Memandangkan bahasa merupakan

merupakan satu aspek yang sentiasa berkembang dan berubah, maka iaanya perlu diperkembangkan lagi, bersesuaian dengan kehidupan yang semakin moden dan rumit ini," katanya.

Untuk itu, persidangan ini diharapkan mampu meningkatkan kefahaman para peserta mengenai aspek bahasa bagi membolehkan mereka turut menyumbang pembangunan di peringkat komuniti, negara dan global.